

Kerajaan negeri janji pastikan projek lancar

Tindakan susulan proaktif bantu percepat pelaksanaan



RMK-9

KUALA LUMPUR: Kepimpinan kerajaan negeri yang menyambut baik pengumuman 880 projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bernilai RM15 bilion, mahu tindakan susulan proaktif diambil bagi mempercepat pelaksanaannya.

Pada masa sama, mereka juga komited membantu memastikan semua usaha melaksanakan projek terbabit dapat dijayakan dengan lancar serta memberi bantuan yang perlu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata pihaknya juga berjanji untuk men-

seimbangkan arus pembangunan dan kemajuan di kedua-dua wilayah barat dan timur Negeri Sembilan.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata rakyat negeri itu dijangka mendapat faedah besar daripada projek pembangunan diumumkan khususnya membabitkan infrastruktur dan pendidikan.

"Bagi mempercepatkan pelaksanaannya, kerajaan negeri akan memastikan proses kelulusan, terutama dalam soal pengambilan tanah dan yang berkaitan pihak berkuasa tempatan dilakukan tanpa banyak birokrasi," katanya.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata 21 projek dalam senarai diumumkan berkenaan membabitkan negeri ini itu dijangka dapat dimulakan dalam tempoh em-

pat bulan selepas semua proses tender dan pelantikan kontraktor selesai.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, yang menyifatkan pengumuman itu sebagai sesuatu yang baik untuk rakyat berkata, Perdana Menteri sedang menangani isu sebenar dalam menjayakan agenda RMK-9.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata keputusan kerajaan memperincikan tender RMK-9 membuktikan ketelusan kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sentiasa mengotakan janjinya kepada rakyat.

"Kerajaan negeri sudah membuka bilik gerakan Pengurusan Projek dan Program (PPP) di Ayer Keroh bagi memantau pelaksanaan projek

RMK-9 di Melaka selain menubuhkan jawatankuasa pemantauan peringkat negeri," katanya.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mahu jabatan dan agensi kerajaan peringkat negeri serta Pusat serta pihak berkuasa tempatan (PBT), bekerjasama melaksanakan projek di negeri itu.

"Majlis Tindakan Negeri dan semua pegawai peringkat negeri perlu berhubung dengan kementerian masing-masing bagi memastikan kelancaran projek yang dilaksanakan," katanya.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, berkata beliau sudah mengarahkan Pengarah Tanah dan Ukur negeri, Osman Jamal menyediakan tapak pelaksanaan projek RMK-9 di Sabah.